



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGARUH PERSONALITI DAN MOTIVASI TERHADAP EFIKASI-KENDIRI MEMBUAT KEPUTUSAN KERJAYA DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH MENENGAH

AQEELAH NUR AIN BINTI AINUDDIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENGARUH PERSONALITI DAN MOTIVASI TERHADAP EFIKASI-KENDIRI
MEMBUAT KEPUTUSAN KERJAYA DALAM KALANGAN MURID
SEKOLAH MENENGAH**

AQEELAH NUR AIN BINTI AINUDDIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(BIMBINGAN DAN KAUNSELING)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UPSUPS-190 32
Fms : 05 inv: 171



50a Lemda (4)
Kertas Projek
Sajarah Penyelidikan
Sajarah Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 07 (hari bulan) 10 (bulan) 2025

I. Perakuan pelajar :

Saya, AQEELAH NUR AN BINTI ANUDDIN, M20192001432, FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. Matrik dan FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PENGARUH PERSONALITI DAN MOTIVASI TERHADAP EFISIENSI KENDIRI MEMBUAT KEPUTUSAN KERJAYA DALAM KALANGAN MURID DI SEKOLAH MENENGAH

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejujurnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

II. Perakuan Penyelia:

Saya, Dr. CHE ANUAR BIN CHE ABDULLAH (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENGARUH PERSONALITI DAN MOTIVASI TERHADAP EFISIENSI KENDIRI MEMBUAT KEPUTUSAN KERJAYA DALAM KALANGAN MURID DI SEKOLAH MENENGAH

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN (BIMBINGAN DAN KAUNSELING) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

8/10/2025

Tarikh

Tandatangan CHE ABDULLAH
DR. CHE ANUAR BIN CHE ABDULLAH
Pensyarah Kanan
Jabatan Psikologi dan Kaunseling
Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris

UPSI/PO-380.31
Pns. 01/11/11**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES****BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PENGARUH PERSONALITI DAN MOTIVASI TERHADAP EFIKASI KENDIRI
EFIKASI KENDIRI MEMBUAT KEPUTUSAN KEHLIATA DALAM KALANGAN MAJLIS DI SEKOLAH MENENGAH

No. Matrik /Matric's No.: M20192001432

Saya / I / : AQEELAH NUR AIN BINTI AINUDDIN
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

 SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang bertajuk keselamatan atau keselamatan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

 TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah dibenarkan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

 TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

G
(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarih: 8/10/2025

Aqeelah Nur Ain
DR. CHE ANUAR CHE ABDULLAH
(Tandatangan Pengerusi/ Supervisor)
& (Nama dan Peperiksaan/ Name & Official Stamp)
Jabatan Penyelidikan dan Pengajian
Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT & TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa organisasi berkenaan dengan menyatakan sebab-sebab dan simpan laporan ini perlu dikekalkan sebagai SULIT dan TERHAD.

Note: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim.

Segala puji bagi Allah dan selawat ke atas Nabi Muhammad S.A.W. Syukur Alhamdulillah dengan segala puji kepadaNya atas keizinan untuk saya mempersiapkan disertasi ini dengan jayanya.

Saya ingin merakamkan setinggi – tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan, bantuan dan dorongan sepanjang proses penyelidikan dan penulisan disertasi ini. Terima kasih saya ucapkan kepada penyelia saya iaitu Dr. Che Anuar Bin Che Abdullah, di atas bimbingan, nasihat dan sokongan yang tidak ternilai sepanjang tempoh penyelidikan ini. Bimbingan beliau yang penuh kesabaran dan dedikasi telah banyak membantu saya dalam mengatasi cabaran – cabaran yang timbul semasa penulisan disertasi ini.

Terima kasih di atas sokongan, dorongan dan pengorbanan yang telah dicurahkan tanpa mengira masa dan ketika terutamanya buat ibu bapa tersayang iaitu Ainuddin Bin Omar dan Aziah Binti Mohd Said yang tidak putus – putus bertanya khabar mengenai perkembangan disertasi saya. Tidak lupa juga, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada abang saya iaitu Syahmi dan adik Syafiq yang sentiasa memberi dorongan, kasih sayang, dan semangat untuk meneruskan perjuangan ini. Serta saudara saya iaitu Amalina dan Siti Hajar dalam memberi sokongan untuk menyiapkan dan motivasi untuk mengharungi semua ini hingga ke garis penamat.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua responden yang telah meluangkan masa dan memberikan kerjasama dalam menjawab soal selidik yang dijalankan. Tanpa sokongan mereka, kajian ini tidak akan dapat diselesaikan. Akhir sekali terima kasih kepada rakan – rakan dan semua pihak yang telah memberikan bantuan secara langsung atau tidak langsung yang menyumbang kepada kejayaan penyelidikan dan penulisan disertasi ini.

Sekian, terima kasih.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengukur pengaruh personaliti dan motivasi terhadap efikasi sendiri membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid tingkatan empat di sekolah menengah. Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk tinjauan dengan menggunakan kaedah persampelan rawak mudah yang melibatkan 200 orang murid dari lima buah sekolah menengah di daerah Hilir Perak, Perak. Sampel kajian menjawab tiga jenis instrumen soal selidik iaitu *Big Five Inventory (BFI)*, *Participation Motivation Inventory (PMI)* dan *Career Decision - Making Self Efficacy Scale - Short Form (CDMSE - SF)*. Data dianalisis menggunakan Ujian - t, Korelasi Pearson dan Regresi Pelbagai. Hasil analisis Ujian - t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan jantina bagi subskala personaliti *neuroticism* dan personaliti *openness* berdasarkan jantina. Bagi motivasi dan efikasi sendiri menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan berdasarkan jantina. Seterusnya, bagi analisis korelasi pearson pula mendapati terdapat hubungan antara personaliti dan motivasi dengan efikasi sendiri dalam membuat keputusan kerjaya. Bagi analisis regresi pelbagai menunjukkan bahawa personaliti dan motivasi menyumbang sebanyak 25.9 peratus secara signifikan ($p < 0.05$) kepada efikasi sendiri dalam membuat keputusan kerjaya. Kesimpulannya, di dapati bawah personaliti *neuroticism* dan motivasi ekstrinsik memainkan peranan penting dalam membantu murid membuat keputusan kerjaya. Implikasi kajian mencadangkan agar pihak kaunselor, ibu bapa dan guru memberikan sokongan luaran, motivasi dan mengenal pasti personaliti murid bagi membimbing mereka membuat keputusan kerjaya yang sesuai dengan potensi dan ciri diri masing – masing.





THE INFLUENCE OF PERSONALITY AND MOTIVATION ON CAREER DECISION MAKING SELF EFFICACY AMONG SECONDARY SCHOOL STUDENTS

ABSTRACT

This study aims to examine the influence of personality and motivation on career decision – making self – efficacy among form four students in secondary schools. A survey research design was employed using a simple random sampling method, involving 200 students from five secondary schools in the Hilir Perak district, Perak. The participants responded to three sets of questionnaire which is the Big Five Inventory (BFI), the Participation Motivation Inventory (PMI), and the Career Decision – Making Self-Efficacy Scale – Short Form (CDMSE-SF). Data were analysed using t-test, Pearson correlation and multiple regression analysis. The t-test results indicated significant gender differences in the neurotic and openness personality subscales. However, no significant gender differences were found in motivation and career decision-making self-efficacy. Next, for the Pearson correlation analysis indicated significant relationships between personality traits and motivation with career decision making self-efficacy. Furthermore, multiple regression analysis showed that personality and motivation collectively contributed 25.9 percent ($p < 0.05$) of the variance in career decision making self-efficacy. In conclusion, the finding suggests that neuroticism and extrinsic motivation play significant roles in influencing students' career decision making self-efficacy. The implications of this study highlight the importance of external support from counsellors, parents and teachers is essential in providing motivation and identifying students' personalities to guide them in making career choices that align with their potential and individual characteristics.



KANDUNGAN

MUKA SURAT

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang	2
1.3 Penyataan Masalah	12
1.4 Persoalan Kajian	16
1.5 Objektif Kajian	17
1.6 Hipotesis	18



1.7	Kerangka Konseptual Kajian	22
1.8	Definisi Konsep dan Operasional	23
	1.8.1 Personaliti	23
	1.8.2 Motivasi	26
	1.8.3 Efikasi Kendiri	27
	1.8.4 Murid	28
1.9	Kepentingan Kajian	29
1.10	Rumusan	31
BAB 2 TEORI DAN TINJAUAN LITERATUR		
2.1	Pendahuluan	32
2.2	Pendekatan Teori	33
	2.2.1 Teori Personaliti Lima Faktor Goldberg (1992)	34
	2.2.2 Teori Pencapaian Motivasi McClelland (1985)	37
	2.2.3 Teori Kongnitif Kerja Sosial	40
2.3	Kajian - Kajian Lepas	44
	2.3.1 Dalam Negara	45
	2.3.2 Luar Negara	52
2.4	Rumusan	54
BAB 3 METODOLOGI		
3.1	Pendahuluan	55
3.2	Reka Bentuk Kajian	56
3.3	Tempat Kajian	58
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	59
3.5	Instrumen Kajian	61
	3.5.1 Bahagian A : Maklumat Demografi Responden	61



3.5.2	Bahagian B : The Big Five Inventory(BFI)	62
3.5.3	Bahagian C : Participation Motivation Inventory (PMI)	63
3.5.4	Bahagian D : Career Decision - Making Self – Self Efficacy Scale - Short Form (CDMSE-SF)	64
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan	65
3.7	Pemarkatan	66
3.7.1	The Big Five Inventory (BFI)	67
3.7.2	Participation Motivation Inventory (PMI)	69
3.7.3	Career Decision Making Self - Self Efficacy Scale Short Form (CDMSE - SF)	70
3.8	Kajian Rintis	72
3.9	Prosedur Kajian	73
3.10	Penganalisaan Data Statistik	75
3.11	Rumusan	81

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	82
4.2	Analisis Deskriptif	83
4.2.1	Demografi Responden	83
4.2.1.1	Responden Berdasarkan Jantina	83
4.2.1.2	Responden Berdasarkan Bangsa	84
4.2.1.3	Responden Berdasarkan Aliran Tingkatan	85
4.3	Analisis Skor Min dan Tahap Pemboleh Ubah Kajian	86
4.4	Analisis Statistik Inferensi	89
4.4.1	Analisis Ujian - T	90
4.4.1.1	Perbezaan Personaliti Berdasarkan Jantina	90

4.4.1.2	Perbezaan Motivasi Berdasarkan Jantina	92
4.4.1.3	Perbezaan Efikasi Kendiri Membuat Keputusan Kerjaya Berdasarkan Jantina	93
4.4.2	Analisis Korelasi Pearson	94
4.4.2.1	Hubungan Personaliti dengan Motivasi	94
4.4.2.2	Hubungan Personaliti Terhadap Efikasi Kendiri Membuat Keputusan Kerjaya	98
4.4.2.3	Hubungan antara Motivasi dengan Efikasi Kendiri Membuat Keputusan kerjaya	100
4.4.3	Analisis Regrasi Pelbagai	101
4.5	Rumusan	104
BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN		
5.1	Pendahuluan	106
5.2	Ringkasan Kajian	107
5.3	Perbincangan	110
5.3.1	Perbezaan Personaliti Berdasarkan Jantina	110
5.3.2	Perbezaan Motivasi Berdasarkan Jantina	112
5.3.3	Perbezaan Efikasi Kendiri Berdasarkan Jantina	113
5.3.4	Hubungan Personaliti dengan Motivasi Dalam Membuat Keputusan Kerjaya	115
5.3.5	Hubungan Personaliti Dengan Efikasi Kendiri Membuat Keputusan Kerjaya	117
5.3.6	Hubungan Motivasi Dengan Efikasi Kendiri Membuat Keputusan Kerjaya	119
5.3.7	Pengaruh Personaliti, Motivasi Dengan Efikasi Kendiri Membuat Pemilihan Kerjaya	120
5.4	Implikasi Kajian	123
5.4.1	Implikasi Kajian Teori	123

5.4.2 Implikasi Kajian Amalan	125
5.5 Cadangan	127
5.6 Rumusan	129
RUJUKAN	130

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Penentuan Saiz Sampel (Krejcie & Morgan 1970)	60
3.2	Lima Faktor Mewakili Soalan Positif dan Negatif	62
3.3	Taburan Item Motivasi Mengikut Sub Skala	63
3.4	Pembahagian Item Efikasi Kendiri Membuat Keputusan Kerjaya	64
3.5	Pembahagian Soal Selidik	67
3.6	Pemberian Skor Skala (BFI)	67
3.7	Pembahagian Item Mengikut Tret Personaliti	68
3.8	Skala Pemarkatan <i>Participation Motivation Inventory</i> (PMI)	69
3.9	Pemberian Skor Skala (CDMSE - SF)	70
3.10	Pembahagian Markah Efikasi Kendiri Membuat Keputusan Kerjaya	71
3.11	Pembahagian Skor Min Efikasi Kendiri Membuat Keputusan Kerjaya	72
3.12	Dapatan Kajian Rintis	72
3.13	Ringkasan Analisis Pengujian Statistik Berdasarkan Objektif Kajian	76
4.1	Taburan Responden Berdasarkan Jantina	84

4.2	Taburan Responden Berdasarkan Bangsa	85
4.3	Taburan Responden Berdasarkan Aliran Tingkatan	86
4.4	Skor Purata dan Sisihan Piawai Pemboleh Ubah Personaliti	88
4.5	Skor Purata Motivasi	88
4.6	Skor Purata Efikasi Kendiri	89
4.7	Taburan Ujian – T Bagi Personaliti Berdasarkan Jantina	91
4.8	Taburan Ujian – T Bagi Motivasi Berdasarkan Jantina	92
4.9	Taburan Ujian – T Bagi Efikasi Kendiri Berdasarkan Jantina	94
4.10	Keputusan Ujian Analisis Korelasi Personaliti Dan Motivasi	97
4.11	Keputusan Ujian Analisis Korelasi Personaliti Dan Efikasi Kendiri	99
4.12	Keputusan Ujian Analisis Korelasi Motivasi Dan Efikasi Kendiri	101
4.13	Keputusan Ujian Analisis Regresi Pelbagai Personaliti Dan Motivasi Terhadap Efikasi Kendiri Membuat Keputusan Kerjaya	103
4.14	Analisis Varians Regresi	104



SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	23
2.1	Kerangka Teori	33



SENARAI SINGKATAN

BFI	Big Five Inventory
CDMSE-SF	<i>Career Decision Making Self Efficacy Scale Short Form</i>
ERP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
ME	Motivasi Ekstrinsik
MI	Motivasi Intrinsik
MRSM	Maktab Rendah Sains Mara
PBD	Penilaian Pentaksiran Bilik Darjah
PMI	<i>Participation Motivation Inventory</i>
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PT3	Peperiksaan Pentaksiran Tingkatan 3
S	Setuju
SBP	Sekolah Berasrama Penuh
SMKA	Sekolah Aliran Agama
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia



SPSS	<i>Statistical Package For The Social Sciences</i>
SS	Sangat Setuju
STEM	Sains, Teknologi, Kejuruteraan (Engineering) dan Matematik
STS	Sangat Tidak Setuju
TP	Tidak Pasti
TS	Tidak Setuju
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris





SENARAI LAMPIRAN

- A Demografi Responden
- B Soal Selidik Personaliti (Big Five Inventory)
- C Soal Selidik Motivasi (Participation Motivation Inventory)
- D Soal Selidik Efikasi Kendiri (Career Decision Making Self Efficacy - Short Form)
- E Surat Kelulusan Menjalankan Penyelidikan Di Sekolah - Sekolah





BAB 1

Pengenalan

1.1 Pendahuluan



Bab satu ini merupakan pengenalan yang memberi fokus kajian iaitu pengaruh personaliti dan motivasi terhadap efikasi sendiri membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid sekolah menengah. Dalam bahagian ini akan membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, soalan kajian, objektif kajian, hipotesis kajian, kerangka konseptual kajian, definisi konsep dan operasional, kepentingan kajian dan rumusan.





1.2 Latar Belakang Kajian

Kerjaya merupakan satu perjalanan atau kemajuan seseorang dalam kehidupan (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017). Ia memainkan peranan penting dalam perkembangan kehidupan seseorang. Ianya juga merupakan satu proses yang dilalui oleh individu sejak dilahirkan sehingga akhir usianya. Kerjaya juga berkait rapat dengan minat dan tingkah laku peribadi berdasarkan pemerhatian dan persekitaran sehingga seseorang itu memilih pekerjaan itu sebagai kerjaya idamannya. Di dalam kehidupan seseorang, kerjaya adalah sangat penting kerana ia memberikan kepuasan dalam kehidupan apabila seseorang mempunyai kerjaya yang stabil dan terjamin.

Kerjaya mempunyai banyak fungsi dan makna bagi setiap individu dan bukan sahaja kepada cara individu menampung kehidupannya (Noraini Ismail, Muhammad Bazlan Mustafa dan Syed Sofian Syed Salim, 2019). Menurut Olatunde (2015), kerjaya individu mempunyai kaitan dengan status sosioekonomi, gaya hidup, tempat tinggal, pengangkutan dan kumpulan sosialnya. Kerjaya merupakan satu pekerjaan yang mempengaruhi kehidupan seharian seseorang (Zunker, 2016). Di mana apabila seseorang itu menceburi sesuatu pekerjaan dalam jangka masa yang panjang dan mempunyai kemajuan di dalam kerjayanya. Terutamanya seseorang itu mendapat pekerjaan yang lebih baik dan pendapatan yang lebih tinggi.

Kerjaya juga merangkumi keseluruhan pengalaman hidup seseorang dari segi pendidikan, latihan, pekerjaan dan peranan dalam kehidupan. Selain itu, menurut Zunker (2016), menyatakan kerjaya juga merujuk kepada gabungan keseluruhan faktor





psikologi, sosiologi, pendidikan, fizikal, ekonomi yang membentuk kerjaya seseorang dalam kehidupannya.

Setiap individu membentuk kerjaya idaman yang ingin dicapai di dalam kehidupannya. Menurut Normah Zakaria, Siti Nur Kamariah Rubani, Arihasnida Ariffin, Norhasyimah Hamzah dan Nurul Sakinah Nordin (2020), seseorang yang memiliki kerjaya impian akan cenderung untuk lebih konsisten dalam menentukan jenis pekerjaan yang sesuai bagi mereka, sehingga menghindari terjebak dalam kerjaya yang tidak mereka minati. Salah satu proses pembangunan yang berlangsung sepanjang hayat adalah membuat keputusan kerjaya. Ia tidak melibatkan satu keputusan tetapi ia melibat pelbagai siri keputusan. Membuat sesuatu keputusan kerjaya bukan sahaja memilih pekerjaan mengikut padanan ciri individu tetapi dalam dunia realiti ia melibatkan satu proses yang rumit. Oleh itu, setiap individu akan mengalami proses untuk membuat keputusan kerjaya bagi mencapai kerjaya di dalam kehidupannya.

Pemilihan dan keputusan kerjaya merupakan satu proses yang kompleks kerana ia melalui pelbagai fasa untuk mencapai sesuatu kerjaya yang diimpikan. Setiap individu perlu memiliki informasi yang tepat tentang pekerjaan yang mereka minati, termasuk syarat kelayakan dan manfaat yang akan diperolehi dari pekerjaan tersebut. Menurut Rusli Ahmad dan Nur Naha Mansor (2010), menyatakan maklumat mengenai sesuatu profesion atau sesuatu kerjaya merupakan satu komponen penting dalam proses membuat keputusan kerjaya. Keputusan kerjaya juga adalah faktor utama dalam kehidupan seseorang kerana ia memainkan sumbangan yang penting dalam menentukan corak peranan individu dalam kehidupan masyarakatnya (Noraini Ismail, Muhammad Bazlan Mustafa dan Syed Sofian Syed Salim, 2019). Lualan kerjaya yang





dipilih oleh individu ini bukan sahaja mempengaruhi kepada pertumbuhan serta kepuasan peribadi tetapi juga menentukan sumbangan yang mereka lakukan kepada masyarakat. Menurut Zunker (2015), menyatakan keputusan kerjaya ini adalah penentu kepada taraf kedudukan dalam komuniti sekeliling individu dan taraf ini memberi kesan kepada nilai hidup, sikap, gaya dan personaliti.

Kerjaya juga membolehkan individu mempamerkan kemahiran, kepakaran, dan semangat mereka supaya mempengaruhi keseluruhan kebajikan dan kemajuan masyarakat. Bagi mencapai taraf dan kestabilan maka proses pemilihan kerjaya mengambil tempoh masa yang bertahun - tahun lamanya dan ia juga merupakan satu proses yang amat kompleks. Berdasarkan teori - teori kerjaya seperti teori Ginzberg dan teori Super yang menunjukkan seseorang individu akan melalui peringkat - peringkat dalam proses pemilihan kerjaya (Ee Ah Meng, Suppiah Nachiappan dan Taquddin Abd Mukti, 2011).

Di Malaysia, kadar pengangguran pada bulan April 2025 adalah seramai 525, 900 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2025). Bagi kadar pengangguran golongan belia sekitar umur 15 tahun hingga 24 tahun merekodkan seramai 298, 300 orang yang masih menganggur sehingga April 2025. Di dalam laporan Khazanah *Research Institute* pada tahun 2024 pula, menyatakan yang 49 peratus siswazah bekerja dalam bidang pekerjaan yang tidak selayak dengan kelayakannya. Situasi ini menggambarkan bahawa masih ramai lagi pelajar gagal untuk membuat perancangan awal dalam menentukan kerjaya yang bersesuaian. Walaupun adanya beribu - ribu kerjaya yang boleh dipilih, seseorang mungkin akan menghadapi kesukaran untuk membuat keputusan yang tepat apabila membuat keputusan kerjaya. Antara punca - punca yang





diperkatakan adalah seperti sukar untuk membuat keputusan, ketidaksempurnaan semasa membuat keputusan dan kurang pengetahuan dan maklumat (Noraini Ismail, Muhammad Bazlan Mustafa dan Syed Sofian Syed Salim, 2019).

Justeru itu, maklumat berkaitan kerjaya perlu didedahkan di peringkat sekolah khususnya di peringkat sekolah menengah. Ini kerana, pada peringkat perkembangan kerjaya berdasarkan teori Super berpendapat bahawa individu yang berumur 15 tahun hingga 24 tahun berada di dalam peringkat penerokaan kerjaya. Pada tahap ini menunjukkan yang individu tersebut akan aktif mencari dan meneroka pelbagai jenis kerjaya untuk memenuhi minat, kemahiran dan nilai mereka. Pada peringkat ini seseorang itu akan menyedari kepentingan pekerjaan dan melihat kepada tiga tahap iaitu fantasi, tentatif dan realistik. Di dalam tahap ini bermula pada tahap fantasi, individu akan membuat pilihan pekerjaan yang biasanya tidak realistik kemudian mereka akan mengurangkan dan mengehadkan kepada pilihan mereka yang paling sesuai dengan prinsip atau cara kehidupan seseorang berdasarkan peluang pekerjaan yang ada. Begitu juga di dalam teori Ginzberg yang menyatakan seseorang yang berada di peringkat umur 11 tahun sehingga 17 tahun berada di peringkat tentatif atau percubaan, mereka akan mula menyedari minat sesuatu pekerjaan dan kemudian mereka akan menilai kepada nilai peribadi dan akhir sekali kepada nilai masyarakat.

Selain itu, pada peringkat ini individu akan menyedari kekuatan dan kelemahan diri mereka serta menyelaraskan ciri – ciri peribadi dengan peluang kerjaya yang berpotensi. Maka dengan pendedahan kerjaya seperti informasi mengenai kerjaya, kriteria kelayakan dan syarat yang diperlukan untuk sesuatu jawatan mesti didedahkan kepada para pelajar. Berdasarkan pernyataan Samad (2019) dan Bullock (2014),





menyatakan yang pendedahan maklumat kerjaya ini harus dilakukan kerana masih terdapat golongan pelajar yang masih keliru dan sukar untuk membuat keputusan kerjaya mereka sendiri.

Oleh itu, keputusan kerjaya adalah bahagian penting dalam kehidupan pelajar sekolah kerana pada masa ini mereka perlu merancang dan membuat keputusan yang bijak untuk memastikan kerjaya yang mereka pilih akan membawa kepuasan kepada kerjaya pada masa hadapan (Noor Athirah Sukri dan Suppiah Nachiappan, 2021). Di peringkat sekolah ini merupakan peringkat para pelajar sedang beralih ke alam dewasa dan berhadapan dengan tanggungjawab untuk merancang masa depan yang professional untuk diri mereka.

Selain daripada itu, sistem persekolahan di Negara ini juga mempunyai perubahan dari satu tingkatan ke tingkatan yang lain iaitu dari tingkatan tiga ke tingkatan empat. Para pelajar perlu membuat pemilihan untuk menentukan aliran khusus mereka semasa mereka berada di tingkatan empat kerana kursus yang mereka ambil harus berjalan seiring untuk membolehkan mereka menjadi lebih mahir dalam menyelesaikan sesuatu tugas yang diberikan semasa mereka berada di dalam kelas. Berdasarkan Kementerian Pendidikan Malaysia (2022), menyatakan para pelajar boleh memilih subjek - subjek yang khusus di Sekolah atau para pelajar boleh memilih aliran seperti kemasukan ke Sekolah lain seperti Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), Kolej Vokasional dan juga Sekolah Aliran Agama. (SMKA).





Maka, di dalam membuat pemilihan khusus, para pelajar perlu mendapatkan maklumat yang lebih jelas terutama bidang kerjaya yang berkaitan dengan khusus. Menurut Siti Aisyah Mat Yusoff (2018), menyatakan yang para pelajar harus mengambil kira gabungan mata pelajaran, terutamanya dalam bidang sains, untuk meneruskan pendidikan mereka di peringkat institut pengajian tinggi dan untuk memastikan mereka mempunyai peluang untuk memasuki universiti. Oleh itu, amat penting untuk pelajar merancang dengan baik tentang bidang yang mereka inginkan. Disebabkan itu seseorang itu haruslah mengetahui mengenai maklumat kerjaya yang berkaitan dengan pilihannya. Ini kerana, para pelajar pada masa kini menghadapi pelbagai halangan dan cabaran ketika membuat keputusan kerjaya.

Beberapa kajian – kajian lepas menemui bahawa individu berada di dalam keadaan yang dilema ketika menghadapi masalah membuat keputusan kerjaya (Bandura, 2001). Dalam erti kata lain, seseorang itu, tidak membuat keputusan yang serius dalam memilih bidang kerjayanya sehingga dirinya telah giat bekerja dalam bidang kerjaya yang tidak bermakna kerana jenis kerjaya tersebut tidak menarik dan boleh menyebabkan seseorang itu menjadi kurang bermotivasi. Permasalahan yang sering terjadi di dalam diri individu adalah tahap keyakinan diri atau ia dikenali sebagai efikasi sendiri. Menurut Rohaty Mohd Majzub dan Muhammad Yusuf (2011), seseorang pelajar itu akan membuat keputusan kerjaya yang sesuai dan lebih baik untuk diri mereka apabila mereka mempunyai tahap keyakinan diri yang tinggi. Namun, bagi tahap keyakinan diri yang rendah akan memberi kesukaran dalam diri individu untuk membuat keputusan kerjaya.





Selain itu, berdasarkan Abdul Rahim dan Rohana (2010), menyatakan maklumat kerjaya mempunyai hubungan yang signifikan dengan efikasi sendiri membuat keputusan kerjaya. Ini kerana, efikasi sendiri ini mendorong individu membuat pilihan yang tepat dan berdasarkan minat untuk mencapai cita - citanya. Menurut Kendra Cherry (2020), menyatakan efikasi sendiri merupakan seseorang individu percaya akan kebolehan dirinya untuk mencapai kejayaan dalam pelbagai situasi. Di dalam teori sosial kognitif kerjaya oleh Lent, Brown dan Hackett (1994) pula, menyatakan yang efikasi sendiri ini memainkan peranan utama dalam minat kerjaya, pilihan kerjaya, prestasi kerjaya dan daya tahan seseorang dalam menghadapi cabaran kerjaya.

Hasil kajian yang dijalankan oleh Normah Zakaria, Siti Nur Kamariah Rubani, Arihasnida Ariffin, Norhasyimah Hamzah dan Nurul Sakinah Nordin (2020) mendapati efikasi sendiri pelajar kolej vokasional dalam membuat pemilihan kerjaya berada di skor tinggi. Kajian yang dijalankan oleh Anis Fatima Savugathali dan Muhammad Bazlan Mustafa (2016), mendapati bahawa efikasi sendiri pelajar sekolah dalam membuat keputusan kerjaya berada di tahap yang sederhana. Dalam kajian ini juga menunjukkan yang tahap efikasi sendiri yang tinggi terhadap beberapa orang pelajar. Ini menunjukkan bahawa individu yang memiliki tahap efikasi sendiri yang tinggi lebih cenderung untuk membuat keputusan kerjaya yang berbeza berbanding individu yang memiliki tahap efikasi kendirinya yang rendah.

Tambahan lagi, beberapa faktor lain yang membantu individu di dalam membuat keputusan kerjaya antaranya adalah personaliti. Menurut Azizi Yahaya, Mohd Najib Ghaffar dan Noraziah Damiri (2004), menyatakan seseorang akan tertarik





kepada sesuatu pekerjaan disebabkan oleh personaliti dalam latar belakang pekerjaan itu. Menurut Normala A. Manaf (2013), keserasian personaliti juga merupakan agen perkembangan kerjaya dan ini bermakna ciri keperibadian ditekankan dalam membuat keputusan kerjaya.

Oleh itu, para pelajar juga perlu mengambil kira faktor personaliti semasa membuat perancangan awal supaya mereka boleh membuat keputusan kerjaya yang tepat berdasarkan kebolehan dan minat mereka. Menurut Noraini Ismail, Muhammad Bazlan Mustafa dan Syed Sofian Syed Salim (2019), apabila program pengajian atau sesuatu khusus yang diikuti tidak selaras dengan minat dan personaliti seseorang, mereka akan menghadapi kesukaran dalam memilih dan membuat keputusan kerjaya mereka sendiri. Sehubungan dengan itu, para pelajar perlu mengetahui dan mengenal pasti personaliti diri mereka.



Berdasarkan kajian Nur Fardeana Arifin, Radin Siti Aisyah Radin A Rahman dan Norasmah Othman (2020), menyatakan terdapat hubungan positif diantara personaliti *big five* bagi pemilihan kerjaya dalam bidang keusahawanan. Begitu juga dalam kajian oleh Nik Adlina Nik Abdul Adel (2019), mendapati adanya hubungan positif personaliti lima utama terhadap tekad keusahawanan. Tambahan lagi, pengkaji turut menyatakan yang personaliti *extraversion* yang paling tinggi memberi sumbangan terhadap tekad keusahawanan. Selain daripada kajian dalam bidang keusahawanan, kajian yang memperlihatkan personaliti dengan keputusan kerjaya menyatakan personaliti keterbukaan adalah faktor yang penting dalam membuat keputusan kerjaya (Siti Aisyah Mat Yusoff, 2018). Menurut Anis Fatima Savugathali dan Muhammad Bazlan Mustafa (2016) mendapati personaliti seseorang pelajar dapat menentukan ciri





- ciri mereka dalam membuat pemilihan kerjaya. Hasil kajian mendapati yang jenis personaliti yang mempunyai hubungan positif dengan membuat pemilihan kerjaya adalah *extraversion*, *agreeableness*, *conscientiousness* dan *neuroticism*, tetapi hubungan yang negatif ialah personaliti *openness*.

Seterusnya, Abdul Himid Alkhelil (2016), mengkaji hubungan personaliti 5 faktor terhadap pemilihan kerjaya. Pengkaji telah memfokuskan kepada 3 aliran kerjaya iaitu pengurusan, sains penyelidikan dan teknikal. Hasil daripada kajian ini mendapati personaliti keterbukaan lebih memfokuskan kepada kerjaya sains penyelidikan, personaliti *extraversion* lebih kepada teknikal dan personaliti *conscientiousness* dan *agreeableness* memfokuskan kepada kerjaya pengurusan. Selain itu, pengkaji juga melihat kepada adakah *neuroticism* mempunyai hubungan dengan kerjaya pengurusan dan teknikal dan hasilnya adalah hanya kerjaya pengurusan mempunyai hubungan positif. Hal ini menunjukkan yang pemilihan kerjaya berdasarkan personaliti dan minat individu memberikan kepuasan yang tinggi dan individu akan lebih produktif di dalam kerjayanya.

Selain daripada personaliti, motivasi juga turut memainkan peranan di dalam pemilihan kerjaya. Menurut Noraini Ismail, Muhammad Bazlan Mustafa dan Syed Sofian Syed Salim (2019), menyatakan bahawa situasi individu yang mengikuti program pengajian yang tidak selaras dengan minat dan personaliti akan menimbulkan rasa bosan dan kecewa. Keadaan ini akhirnya boleh menyebabkan penurunan tahap motivasi, yang seterusnya mengakibatkan individu tersebut kurang memberikan tumpuan dan penglibatan dalam persiapan diri untuk mencapai kejayaan dalam kerjaya mereka.





Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2017) menjelaskan yang dorongan yang kuat dalam diri seseorang yang mendorong untuk melakukan sesuatu adalah dikenali sebagai motivasi. Motivasi juga merupakan faktor yang utama dalam membuat pemilihan kerjaya kerana ia dapat meningkatkan minat dan semangat seseorang dalam membuat pemilihan kerjaya (Nashirah Abu Bakar, Sofian Rosbi, Hudzulkifli Hashim dan Noraziah Che Arshad, 2021). Situasi masa kini menunjukkan pelbagai cabaran dan halangan yang bakal di hadapi oleh para pelajar bagi mencapai pilihan kerjayanya. Pada pelajar akan melalui fasa - fasa seperti tidak bekerja, dan ketidaksesuaian pilihan kerjaya. Ini akan membawa kepada masalah - masalah seperti tidak produktif semasa menjalankan tugas kerja, kecewa dan bosan. Dengan berlakunya keadaan ini menunjukkan tahap motivasi individu menurun dan membawa kepada kesan pengangguran lebih ramai. Selain itu, kesilapan memilih kerjaya juga akan membawa kesan kepada individu dari segi tertekan semasa bekerja, timbul perasaan - perasaan yang negatif seperti penyesalan, tidak selesa dan penyesalan dalam pengamalan perkerjaan.

Terdapat dua jenis motivasi yang memainkan peranan di dalam setiap individu iaitu motivasi intrinsik (dalaman) dan motivasi ekstrinsik (luaran). Dorongan dalam individu dan juga merupakan penggerak untuk melakukan perkara – perkara yang membawa kepentingan atau ganjaran kepada diri sendiri merupakan hasil kepada motivasi intrinsik. Bagi motivasi ekstrinsik pula merupakan motivasi yang berpunca dari persekitaran atau luaran dan ia berkait rapat dengan pengukuhan (Ramlah Jantan dan Mahani Razali, 2004).



Seterusnya, menurut Holze, Ramoz, Minder dan Zimmeli (2022), mendapati motivasi intrinsik lebih tinggi dalam mencapai kerjaya dalam bidang perubatan. Dalam kajian Ikmal Abd Malik, Haliza Mohd Said dan Rudzi Munap (2018), mendapati yang motivasi ekstrinsik lebih mempunyai signifikan dalam pemilihan kerjaya berbanding motivasi intrinsik. Kajian Norliyana Yahya (2016) pula mendapati yang kedua - dua jenis motivasi mempunyai hubungan yang signifikan dalam pemilihan kerjaya.

Di sini, dapat dilihat yang dunia pencarian pekerjaan kini semakin mencabar. Persediaan awal terutamanya di kalangan pelajar tingkat empat perlu difokuskan untuk memastikan keputusan kerjaya dibuat bersesuaian dengan diri mereka. Namun adakah personaliti dan motivasi ini mempunyai pengaruh terhadap tahap efikasi sendiri seseorang itu dalam membuat keputusan kerjaya? . Oleh disebabkan pertanyaan ini, kajian ini telah direka bentuk oleh pengkaji untuk merangka dan melaksanakan kajian Pengaruh personaliti dan motivasi terhadap efikasi sendiri membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid tingkatan empat di daerah Hilir Perak, Perak.

1.3 Pernyataan Masalah

Bilangan calon yang mengambil peperiksaan Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) setiap tahun akan mengalami perubahan bilangan. Oleh itu, pada tahun 2024 seramai 98.2 peratus calon SPM yang hadir berbanding tahun 2023 iaitu 97.5 peratus (Seth Akmal, 2025). Dengan jumlah penambahan ini menunjukkan bilangan calon yang bakal keluar bersaing untuk mendapatkan kerjaya semakin ramai. Persaingan ini menyebabkan berlakunya pengangguran atau bekerja di luar bidang khususnya.



Berdasarkan pernyataan Jabatan Perangkaan Malaysia (2025), menyatakan yang kadar pengangguran pada bulan April 2025 adalah seramai 525, 900 orang. Bagi kadar pengangguran golongan belia yang sekitar umur 15 tahun hingga 24 tahun merekodkan seramai 298, 300 orang yang masih menganggur sehingga April 2025. Di dalam laporan Khazanah *Research Institute* pada tahun 2024 pula, menyatakan yang 49 peratus siswazah bekerja dalam bidang pekerjaan yang tidak selayak dengan kelayakannya. Di negeri Perak sahaja pula, berdasarkan penyataan Ahmad Saidi Mohamad Daud yang merupakan Exco Pendidikan Pengajian Tinggi Dan Sumber Manusia Perak, telah menyatakan kadar pengangguran pada tahun 2021, seramai 57, 900 orang yang tidak mendapat pekerjaan (Sinar Harian, 2022).

Pemilihan dan membuat keputusan kerjaya perlu dilakukan dengan teliti, supaya setiap individu dapat mengenali diri mereka dan membuat keputusan yang tepat. Oleh itu, bermula dengan murid tingkatan empat, mereka harus membuat keputusan yang betul supaya aliran kursus yang dipilih bersesuaian dengan minat, kebolehan dan keupayaan diri mereka dalam mengambil subjek - subjek tersebut. Kekurangan pendedahan maklumat mengenai diri mereka dan juga kerjaya akan mengakibatkan mereka membuat keputusan yang tidak tepat dan mereka akan cenderung untuk membuat keputusan mengikut keputusan ibu bapa atau pun pengaruh rakan sebaya mereka (Hashim dan Amnah (2006), dalam Mohd Sani Ismail, Siti Salinah Abdullah, Mohamad Zaidin Mohamad, dan Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin, 2018).

Tambahan lagi, pemilihan aliran yang bersesuaian dengan diri individu amat penting kerana mereka akan meneruskan aliran yang dipilih semasa tingkatan empat sehingga ke peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) kerana tiada penukaran aliran





akan berlaku ketika murid masuk ke tingkatan lima. Di tingkatan empat ini juga merupakan arah panduan kepada murid – murid untuk membentuk bidang kerjayanya.

Di peringkat murid – murid di sekolah menengah ini, mereka menghadapi pelbagai cabaran atau masalah seperti kekurangan maklumat mengenai diri mereka, ketidakpastian mengenai sesuatu kerjaya, tidak berminat untuk membuat perancangan awal dan kadang kala mereka sukar untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Tambahan lagi, murid – murid tidak lagi menghadapi peperiksaan besar seperti pentaksiran tingkatan tiga (PT3) dahulu dan kini hanya penilaian pentaksiran bilik darjah (PBD), dan penilaian tersebut dilakukan oleh guru - guru. Hal ini memberikan kesan kepada murid - murid untuk melihat kebolehan dan potensi diri dalam bidang yang sesuai kerana penilaian diri mereka dilakukan oleh guru serta berdasarkan kerja - kerja khusus sahaja (Berita Harian, 2021). Dengan ini, dapat dilihat yang ia tidak adil untuk mereka dalam mengikuti pembelajaran yang tidak seiring dengan personaliti dirinya dan mengakibatkan mereka tidak memberikan tumpuan dan tidak berminat sehingga menyebabkan mereka memilih untuk ponteng kelas (Sabariah Haron, 2013).

Selain itu, minat amat penting dalam membuat keputusan kerjaya kerana dengan adanya minat dalam sesuatu kerjaya dapat mencabar keupayaan diri dan sesuai dengan nilai serta matlamat individu terhadap kerjayanya (Hairunnaja, 2006 dalam Syahida Sidek dan Mohd Hazwan Mohd Puad, 2018). Menurut Syahida Sidek dan Mohd Hazwan Mohd Puad (2018), turut menyatakan yang individu yang memilih kerjaya tanpa minat yang mendalam akan mengurangkan kualiti kerja dan menimbulkan masalah kepada diri pada masa hadapan. Masalah yang mungkin timbul ialah perasaan bosan dan kecewa sekiranya seseorang menjalani pekerjaan yang tidak





selaras dengan minat dan keperibadian mereka (Julianah Saguni, Norzihan Ayub, Puteri Hayati Megat Ahmad dan Guan Teik Ee, 2018). Maka, bagi membuat pemilihan aliran khusus bagi perancangan masa hadapan, murid - murid harus mengenalpasti minat dan personaliti bagi membuat pemilihan aliran khusus yang tepat dan bersesuaian dengan diri mereka sendiri.

Namun, menurut Ananda Kumar (2006) dalam Julianah Saguni, Norzihan Ayub, Puteri Hayati Megat ahmad dan Guan Teik Ee (2018), menyatakan bahawa tidak semua individu dapat mengejar bidang kerjaya yang mereka minati walaupun telah merancanginya sejak kecil, kerana ia dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti hilangnya minat, perubahan dalam pasaran pekerjaan dan juga masalah peribadi mereka. Oleh itu, memahami personaliti dan memilih pekerjaan yang sesuai adalah sangat penting kerana ia dapat mengurangkan serta mencegah tekanan dalam bidang pekerjaan yang diceburi. Bagi mengenali personaliti dan minat diri, para pelajar perlu mempunyai dorongan dan perangsang untuk membuat keputusan.

Oleh itu, motivasi juga berkait rapat dengan membuat keputusan kerjaya. Berdasarkan kajian Siti Aisyah Mat Yusoff (2018), menyatakan kebanyakan para pelajar pada masa kini mereka kurang bermotivasi dalam memenuhi aspek kemajuan diri kerana kebanyakan antara mereka sentiasa diberi kemewahan. Tambahan lagi, motivasi pelajar akan berkurang selepas pelajar mengikuti aliran tersebut dan merasakan aliran yang dipilih itu sukar untuk mencapai kejayaan (Ikmal Abd Malik, Haliza Mohd Said dan Rudzi Munap, 2018). Maka, ia memberikan kesan kepada emosi yang negatif, tidak fokus dan prestasi akademik akan menurun.





Pemilihan dan keputusan kerjaya seseorang itu adalah berdasarkan personaliti dan motivasi. Hal ini disebabkan oleh, membuat sesuatu keputusan kerjaya dipengaruhi oleh tahap keyakinan diri seseorang. Berdasarkan kajian Rohaty Mohd Majzub dan Muhammad Yusuf, (2011) menyatakan yang individu yang memiliki keyakinan tinggi terhadap kebolehan diri cenderung untuk memilih kerjaya yang sesuai dengan diri mereka. Walau bagaimanapun, seseorang yang mempunyai tahap efikasi sendiri yang rendah akan menghadapi kesukaran untuk membuat keputusan kerjaya kerana mereka kurang yakin terhadap diri mereka sendiri (Kristin, 2014). Sehubungan dengan itu, isu - isu ini telah menarik minat pengkaji untuk menjalankan semula kajian ini dengan melihat kepada pengaruh personaliti dan motivasi terhadap efikasi sendiri dalam membuat keputusan kerjaya di daerah Hilir Perak, Perak.



1.4 Persoalan Kajian

Soalan kajian yang dibentuk adalah seperti berikut:

1. Apakah tahap dimensi personaliti Big Five terhadap keputusan kerjaya dalam kalangan murid tingkatan empat?
2. Apakah tahap motivasi terhadap keputusan kerjaya dalam kalangan murid tingkatan empat?
3. Apakah tahap efikasi sendiri terhadap keputusan kerjaya dalam kalangan murid tingkatan empat?
4. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan personaliti, motivasi dan efikasi sendiri membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid tingkatan empat berdasarkan jantina?





5. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti dengan motivasi dalam kalangan murid tingkatan empat dalam membuat keputusan kerjaya?
6. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti dengan efikasi sendiri dalam kalangan murid tingkatan empat dalam membuat keputusan kerjaya?
7. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi dengan efikasi sendiri dalam kalangan murid tingkatan empat dalam membuat keputusan kerjaya?
8. Adakah personaliti dan motivasi memberi sumbangan yang signifikan terhadap efikasi sendiri dalam membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid tingkatan empat?



1.5 Objektif Kajian

Fokus kajian ini adalah untuk menentukan pengaruh personaliti dan motivasi terhadap efikasi sendiri membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid – murid tingkatan empat. Kajian ini juga bertujuan untuk menentukan perbezaan dalam personaliti, motivasi, efikasi sendiri dalam membuat keputusan kerjaya berdasarkan jantina dalam kalangan pelajar tingkatan empat. Ia juga bertujuan mengetahui hubungan yang signifikan personaliti, motivasi terhadap efikasi sendiri membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid – murid tingkatan empat. Secara khususnya, objektif kajian yang khusus seperti dibawah:





1. Mengukur tahap personaliti berdasarkan dimensi *Big Five* dalam kalangan murid tingkatan empat.
2. Mengukur tahap motivasi dalam kalangan murid tingkatan empat.
3. Mengukur tahap efikasi sendiri dalam kalangan murid tingkatan empat?
4. Mengukur perbezaan yang signifikan personaliti, motivasi dan efikasi sendiri membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid tingkatan empat berdasarkan jantina.
5. Mengukur hubungan yang signifikan antara personaliti dengan motivasi dalam membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid tingkatan empat.
6. Mengukur hubungan yang signifikan antara personaliti dengan efikasi sendiri membuat keputusan kerjaya dalam kalangan pelajar tingkatan empat.
7. Mengukur hubungan yang signifikan antara motivasi dengan efikasi sendiri membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid tingkatan empat.
8. Menilai sumbangan personaliti dan motivasi sebagai peramal efikasi sendiri dalam membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid tingkatan empat.



1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian dibentuk berdasarkan objektif kajian. Hipotesis ini dibentuk untuk melihat perbezaan, hubungan dan pengaruh antara personaliti dan motivasi terhadap efikasi sendiri dalam membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid tingkatan empat di daerah Hilir Perak, Perak. Hipotesis kajian adalah seperti berikut:





- Ho1. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan personaliti berdasarkan jantina dalam kalangan murid tingkatan empat.
- 1a. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan personaliti *neurotisme* berdasarkan jantina dalam kalangan murid tingkatan empat.
- 2a. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan personaliti *extraversion* berdasarkan jantina dalam kalangan murid tingkatan empat.
- 3a. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan personaliti *openness* berdasarkan jantina dalam kalangan murid tingkatan empat.
- 4a. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan personaliti *conscientiousness* berdasarkan jantina dalam kalangan murid tingkatan empat.
- 5a. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan personaliti *agreeableness* berdasarkan jantina dalam kalangan murid tingkatan empat.



- Ho2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan motivasi berdasarkan jantina dalam kalangan murid tingkatan empat.
- 1a. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan motivasi intrinsik berdasarkan jantina dalam kalangan murid tingkatan empat.
- 2a. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan motivasi ekstrinsik berdasarkan jantina dalam kalangan murid tingkatan empat.

Ho3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan efikasi sendiri membuat keputusan kerjaya berdasarkan jantina dalam kalangan murid tingkatan empat.

Ho4 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti dengan motivasi dalam membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid tingkatan empat.



- 1a. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti *neuroticism* dengan motivasi intrinsik dalam membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid tingkatan empat.
- 2a. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti *extraversion* dengan motivasi intrinsik dalam membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid tingkatan empat.
- 3a. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti *openness* dengan motivasi intrinsik dalam membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid tingkatan empat.
- 4a. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti *conscientiousness* dengan motivasi intrinsik dalam membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid tingkatan empat.
- 5a. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti *agreeableness* dengan motivasi intrinsik dalam membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid tingkatan empat.
- 6a. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti *neuroticism* dengan motivasi ekstrinsik dalam membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid tingkatan empat.
- 7a. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti *extraversion* dengan motivasi ekstrinsik dalam membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid tingkatan empat.
- 8a. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti *openness* dengan motivasi ekstrinsik dalam membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid tingkatan empat.
- 9a. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti

conscientiousness dengan motivasi ekstrinsik dalam membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid tingkatan empat.

10a. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti *agreeableness* dengan motivasi ekstrinsik dalam membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid tingkatan empat.

Ho5 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti dengan efikasi sendiri membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid tingkatan empat.

1a. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti *neuroticism* dengan efikasi sendiri membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid tingkatan empat.

2a. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti *extraversion* dengan efikasi sendiri membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid tingkatan empat.

3a. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti *openness* dengan efikasi sendiri membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid tingkatan empat.

4a. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti *conscientiousness* dengan efikasi sendiri membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid tingkatan empat.

5a. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti *agreeableness* dengan efikasi sendiri membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid tingkatan empat.



Ho6 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi dengan efikasi sendiri membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid tingkatan empat.

1a. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi intrinsik dengan efikasi sendiri membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid tingkatan empat.

2a. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi ekstrinsik dengan efikasi sendiri membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid tingkatan empat.

Ho7 Tidak terdapat pengaruh sumbangan yang signifikan personaliti dan motivasi sebagai peramal efikasi sendiri membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid tingkatan empat.



1.7 Kerangka Konseptual Kajian


Rajah di bawah menunjukkan struktur asas kajian ini. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan tinjauan dan melibatkan murid tingkatan empat sebagai responden kajian. Berdasarkan rajah 1.1 ingin mengenalpasti tahap personaliti, motivasi terhadap efikasi sendiri dalam membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid tingkatan empat. Selain itu, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji perbezaan skor min antara jantina bagi pemboleh ubah personaliti, motivasi dan efikasi sendiri membuat keputusan kerjaya. Selain itu, rajah dibawah mengenal pasti hubungan di antara personaliti dengan efikasi sendiri membuat keputusan kerjaya, personaliti dengan motivasi dan motivasi dengan efikasi sendiri membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid tingkatan



empat. Kajian ini juga melihat pengaruh personaliti dan motivasi terhadap efikasi sendiri dalam membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid tingkatan empat.

Rajah 1.1

Kerangka Konseptual Kajian



1.8 Definisi Konsep dan Operasional

1.8.1 Personaliti

Definisi Konsep

Personaliti berasal dari perkataan latin iaitu ‘persona’ atau personalita’, dimana ‘persona’ bermaksud topeng yang merujuk kepada penampilan luar seseorang. Menurut



Mohd Saleh Lebar (1994), menyatakan personaliti diibaratkan sebagai topeng muka yang bermaksud kebanyakan orang hanya cenderung untuk menunjukkan perkara - perkara yang baik dan menyembunyikan yang buruk.

Terdapat beberapa orang ahli psikologi yang memberi definisi yang berbeza. Antaranya ada menyatakan personaliti ini merupakan satu perwatakan dan ada juga yang menyatakan personaliti dilihat pada tingkah laku seseorang sahaja (Zainal Madon dan Mohd Sharani Ahmad, 2004). Menurut Muhammad Syamil (2009), meyatakan personaliti bermula dengan perbezaan antara introversi dan ekstroversi. Personaliti merupakan aspek penting dalam menentukan kesesuaian individu untuk pelbagai peranan dan kerjaya. Terdapat enam jenis personaliti iaitu realistik penyiasatan, artistik, sosial, enterprenur dan konvensional. Berdasarkan teori Holland menyatakan yang memahami ciri – ciri personaliti ini dapat membantu dalam membuat pemilihan kerjaya kerana individu dapat menilai sifat diri mereka dan memadankannya dengan pekerjaan yang sejajar dengan kekuatan dan keutamaan mereka. Tambahan lagi, menurut Rafiza Mohamed (2015), menyatakan personaliti yang melihat kepada sikap dan tingkah laku adalah tret perosnaliti *Big Five Theory*.

Definisi Operasional

Personaliti di dalam kajian ini diukur berdasarkan *big five personality* iaitu *agreeableness, conscientiousness, openness, extraversion dan neuroticism*. Personaliti merupakan kaitan antara emosi, pemikiran dan perasaan dengan tingkah laku manusia. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji menggunakan soal selidik *Big Five Personality* (BFI), untuk melihat personaliti murid – murid tingkatan empat dalam membuat





keputusan kerjaya. Di dalam soal selidik ini mempunyai 44 item soalan yang mewakili kepada lima faktor personaliti:

1. *Extraversion* merupakan individu mempunyai tahap keterbukaan terhadap interaksi sosial. Individu ini amat suka untuk menghadiri perhimpunan ramai dan amat suka untuk bercakap.
2. *Agreeableness* merupakan individu mempunyai sikap mesra, mudah untuk bekerjasama dan mempunyai sikap bertimbang rasa. Individu ini amat suka untuk membantu orang lain dan mereka percaya yang mereka juga akan mendapat pertolongan sebagai balasan pada satu hari nanti.
3. *Conscientiousness* adalah individu mempunyai disiplin diri, keazaman dan tanggungjawab. Individu ini akan berusaha bersungguh - sungguh untuk mendapatkan apa yang diinginkan.
4. *Openness* pula merupakan individu mempunyai minat terhadap pengalaman yang baru dan mempunyai kreativiti dan imaginasi. Individu ini sentiasa bersedia untuk menerima idea – idea baru dan mereka lebih mudah untuk memahami orang lain.
5. *Neuroticism* pula individu cenderung untuk mengalami emosi negatif seperti kegelisahan dan kemurungan. Individu ini juga akan mempunyai perasaan benci yang amat sangat terhadap sesuatu.





1.8.2 Motivasi

Definisi Konsep

Motivasi turut memainkan peranan penting dalam kehidupan. Terdapat pelbagai pandangan mengenai motivasi ini. Antaranya Othaman dan Ismail (2012), menyatakan motivasi ini sebagai komponen yang penting untuk menghasilkan pembelajaran yang cemerlang. Berdasarkan Slameto (2013), pula menyatakan motivasi adalah proses yang mendorong seseorang untuk melakukan sesuatu hasil sama ada baik atau tidak baik. Walaubagaimanapun, hasil ini bergantung pada individu itu sendiri.

Terdapat dua kategori motivasi iaitu motivasi dalaman atau dikenali sebagai intrinsik dan motivasi luaran atau ekstrinsik. Berdasarkan teori penentuan diri dalam kajian Holzer, Ramuz, Minder dan Zimmerli (2022), menyatakan motivasi intrinsik mengandungi matlamat motivasi iaitu minat, hubungan manusia, membantu orang, dan mencari makna. Motivasi intrinsik juga merupakan dorongan yang memberi kesenangan untuk melakukan sesuatu dan ia menarik minat secara dalaman (Ryan dan Deci, 2020). Tujuan dari diri sendiri dan minat yang tersendiri terhadap sesuatu subjek atau aktiviti merupakan motivasi intrinsik dari segi pembelajaran (Muhammad Ikmal Rezal Othman, Nurazwa Ahmad dan Nor Kamariah Kamaruddin, 2020) . Menurut Suwatno (2011), pula menyatakan ia adalah motif – motif yang tidak perlu dirancang dari luar kerana ia dalam diri sendiri mempunyai dorongan untuk melakukan sesuatu.

Bagi motivasi ekstrinsik pula merupakan kerjaya, keselamatan, kewangan dan status kehidupan (Holzer, Ramuz, Minder dan Zimmerli, 2022). Motivasi ekstrinsik merupakan sikap dan tingkah laku individu yang dipengaruhi oleh faktor luar seperti





ganjaran sebagai contoh wang ringgit, gred yang baik dan pujian (Muhammad Ikmal Rezal Othman, Nurazwa Ahmad dan Nor Kamariah Kamaruddin, 2020).

Definisi Operasional

Dalam konteks kajian ini, pengkaji menekankan dua jenis motivasi dari dalaman iaitu intrinsik dan dari luaran iaitu ekstrinsik. Motivasi intrinsik ini memperlihatkan dari diri individu sendiri. Manakala motivasi ekstrinsik merujuk kepada aspek – aspek luaran dari segi penghargaan, ganjaran dan sokongan yang mendorong individu untuk mencapai apa yang dingini. Oleh itu, untuk melaksanakan kajian ini, alat ukur yang dikenali sebagai, *Participation Motivation Inventory* (PMI) digunakan dan ia terdiri daripada 35 item, pertanyaan yang dirancang untuk menilai kedua – dua jenis motivasi dengan baik bersifat dalaman ataupun luaran bagi murid tingkatan empat.



1.8.3 Efikasi Kendiri

Definisi Konsep

Keyakinan seseorang terhadap keupayaannya untuk mencapai matlamatnya dikenali sebagai efikasi kendiri (Bandura, 1997 dalam kajian Nuha Abdullah dan Norasmah Othman, 2021). Menurut Kendra Cherry (2020), menyatakan efikasi kendiri merupakan seseorang individu percaya akan kebolehan diri untuk mencapai kejayaan dalam pelbagai situasi. Efikasi kendiri merujuk kepada kemampuan, kebolehan, keyakinan dan kepercayaan tentang diri sendiri berkaitan dengan perancangan kerjaya, tingkah laku dalam membuat pemilihan dan keputusan kerjaya.





Menurut Lent dan Hackett (1987) dalam Fathurrahim (2022), efikasi sendiri tidak melibatkan kebolehan semata – mata tetapi ia melibatkan kepercayaan kebolehan yang memberi hasil tindakan yang berkesan. Efikasi sendiri ini mendorong individu untuk berfikir dan berusaha merasakan keupayaan boleh dan keupayaan tidak boleh dilaksanakan sebelum menentukan sesuatu tindakan (Fathurrahim, 2022).

Definisi Operasional

Dalam konteks kajian ini, efikasi sendiri murid tingkatan empat adalah menjelaskan perkaitannya dengan kemampuan, kebolehan, keyakinan dan kepercayaan diri sendiri berkaitan dengan keputusan kerjaya. Kajian ini merujuk kepada skor skala efikasi sendiri dalam membuat keputusan kerjaya. Ia menggunakan *Career Decision Making Self Efficacy Scale-Short Form* (CDMSE-SF). Bagi skor efikasi sendiri yang tinggi menunjukkan murid tersebut mempunyai perancangan tentang sesuatu kerjaya. Manakala murid yang mempunyai skor efikasi sendiri yang rendah menunjukkan mereka kurang berminat untuk menilai sendiri dan kurang melaksanakan perancangan untuk kerjaya mereka sendiri.

1.8.4 Murid

Definisi Konsep

Murid merupakan orang yang belajar (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2022). Menurut Siti Aisyah Mat Yusoff (2018), seseorang yang mengambil bahagian dalam pendidikan di sekolah rendah atau sekolah menengah. Murid merupakan seseorang individu yang unik dan berbeza di antara satu sama lain walaupun sama di peringkat pembelajarannya.





Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), murid merupakan pelajar yang mengikuti pendidikan rendah dan menengah iaitu bermula tahun satu hingga tingkatan lima atau setaraf.

Definisi Operasional

Murid adalah individu – individu yang sedang belajar di dalam tingkatan empat di Sekolah Menengah di sekitar Daerah Hilir Perak. Mereka terdiri daripada murid lelaki dan murid perempuan. Dalam konteks kajian ini, murid adalah dimaksudkan dengan individu yang sedang belajar di sekolah menengah kebangsaan kerajaan terdiri daripada lima buah sekolah iaitu SMK Seri Perak, SMK Seri Setia, SMK Sri Kandi, SMK Kampung Bahagia dan SMK Sultan Abdul Aziz.



1.9 Kepentingan Kajian

Diharapkan hasil kajian ini akan memberikan manfaat, sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada semua pihak untuk memastikan pengaruh personaliti dan motivasi terhadap efikasi sendiri membuat keputusan kerjaya dalam kalangan murid tingkatan empat dapat dikenal pasti. Hasil ini boleh digunakan sebagai ukuran untuk menunjukkan betapa pentingnya pendidikan kerjaya untuk murid sekolah.

Oleh yang demikian, peringkat sekolah rendah merupakan permulaan bagi pendedahan pendidikan kerjaya dan ia berterusan sehingga ke peringkat sekolah menengah. Hasil kajian ini juga berpotensi memberikan pengetahuan dan pemahaman kepada para murid mengenai kepentingan mengetahui jenis personaliti diri mereka,





mengenal pasti tahap motivasi diri dan juga mempunyai tahap efikasi sendiri yang tinggi supaya keputusan kerjaya yang dilakukan itu bersesuaian dengan diri mereka.

Selain itu, dapatan kajian ini memberi implikasi yang signifikan kepada kaunselor atau guru bimbingan di setiap sekolah. Hal tersebut disebabkan oleh, dengan memahami dapatan kajian kaunselor boleh menghasilkan dan menyesuaikan sokongan serta intervensi yang lebih baik untuk memenuhi keperluan murid - murid. Antara yang boleh dilakukan oleh para guru bimbingan dan kaunseling adalah dengan membentuk modul atau program yang berkaitan dengan pendidikan kerjaya supaya dapat membuat pendedahan maklumat yang lebih meluas kepada murid - murid. Kajian ini juga boleh membantu guru mengenal pasti murid mereka dan membantu serta membimbing mereka membuat keputusan kerjaya yang betul dan tepat.



Seterusnya, bukan sahaja guru bimbingan dan kaunseling tetapi pihak sekolah juga turut mempunyai kepentingan melalui hasil kajian ini. Pihak sekolah juga merupakan sumber maklumat kepada murid untuk memilih aliran dan seterusnya membentuk keyakinan diri mereka dalam membuat keputusan. Oleh itu, pihak sekolah yang terdiri daripada pentadbir dan guru - guru yang mendidik ini harus memberi sokongan dan pendedahan secara langsung atau tidak langsung apabila bersama - sama dengan murid – murid.

Tambahan lagi, hasil kajian ini juga penting untuk ibu bapa untuk mendorong dalam pembentukan personaliti, efikasi sendiri serta motivasi mereka. Ibu bapa memainkan peranan penting sebagai pemberi nasihat dan pandangan kepada murid dalam proses membuat keputusan kerjaya mereka. Ibu bapa juga perlu memahami





kesan setiap pemboleh ubah dalam kajian ini supaya mereka dapat memberikan panduan yang sesuai kepada anak – anak mereka.

Akhir sekali, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dapat memanfaatkan hasil penyelidikan ini untuk melakukan penambahbaikan kepada kualiti pendidikan negara. Ini penting kerana, pelajar adalah aset penting untuk masa depan negara. Oleh itu, hasil kajian ini dapat membantu KPM dalam menyemak dan menyusun semula kerangka pembelajaran berdasarkan mata pelajaran yang ada bagi setiap aliran. Dengan menyelaraskan pendidikan dengan keperluan dan kekuatan, pihak KPM dapat meningkatkan keberkesanan dan kerelevanan sistem pendidikan, akhirnya menyumbang kepada tenaga kerja yang lebih berdaya saing dan berkemahiran pada masa hadapan. Penyepaduan pandangan penyelidikan ke dalam penggubalan dasar ini boleh membuka jalan kepada sistem pendidikan yang lebih di sesuaikan dan berkesan yang memenuhi keperluan dan aspirasi pelajar yang pelbagai, memastikan masa depan yang lebih cerah untuk landskap pendidikan Malaysia.

1.10 Rumusan

Dalam bab satu ini, pengkaji telah memberikan penjelasan tentang latar belakang yang dijalankan iaitu mengenai personaliti, motivasi terhadap efikasi sendiri dalam membuat keputusan kerjaya. Tambahan lagi, pengkaji juga turut menceritakan isu - isu yang menyebabkan pengkaji berminat untuk menjalankan kajian.

